

NO SOALAN: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL**  
**[ JELEBU ]**

**SOALAN :**

Dato' Haji Zainudin Bin Ismail [ Jelebu ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah aduan pengguna telah diterima berkaitan pemandu teksi yang enggan menggunakan meter dan apakah tindakan perkhidmatan teksi terus di yakini dan hak pengguna perkhidmatan awam terus dibela.

**JAWAPAN:**

**YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kesalahan tidak menggunakan meter adalah melanggar Seksyen 22(3) Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 yang menetapkan bahawa seseorang pengendali berlesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan pada lesen pengendali melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak melebihi RM500,000 atau boleh dipenjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.
2. Sebanyak 1,435 kes aduan berkaitan kesalahan Tidak Guna Meter telah diterima dari Januari 2015 hingga April 2016. Daripada jumlah tersebut, 57 kes telah dikompaun, 211 kes telah dimajukan ke Jabatan Pematuhan SPAD untuk tindakan penggantungan atau pembatalan lesen, 44 kes telah diberikan amaran, 33 kes masih dalam siasatan manakala baki 1,090 kes tidak dapat diteruskan kerana pelbagai faktor seperti tidak mendapat kerjasama dari pengadu dan tidak mempunyai buktii kukuh untuk diambil tindakan.
3. Untuk makluman, aktiviti penguatkuasaan terhadap semua pengangkutan awam dan kenderaan perdagangan, termasuklah teksi, sentiasa dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Selain itu, penguatkuasaan bersepada dengan agensi-agensi penguatkuasa yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut dilaksanakan seperti aktiviti rondaan, penempatan anggota secara statik di lokasi-lokasi terpilih dan operasi khas secara penyamaran.

Sekian, terima kasih.